

# REAM hargai pelajar kejuruteraan cemerlang

BERITA HARIAN (UARSTII) | FEB 18 (CUHAMIS) M/S V59

**Kuala Lumpur:** Persatuan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM) menyampaikan sumbangan Bantuan Dana Insentif Pendidikan sejumlah RM112,500 kepada 75 pelajar kurang berkemampuan.

Ahli Konsel REAM, Datuk Matthew Tee, berkata bantuan itu adalah sebahagian tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk membantu pelajar cemerlang dan berprestasi tinggi daripada keluarga berpendapatan rendah.

Beliau berkata, pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Awam termasuk Kejuruteraan Infrastruktur Jalan Raya dan Pengangkutan universiti awam (UA) masing-masing menerima insentif pendidikan tunai sebanyak RM1,500.

"Sejak penubuhan Bantuan Dana Pendidikan pada tahun 2010, seramai 325 pelajar jurusan kejurute-

raan awam sudah menerima bantuan berjumlah RM360,000.

"REAM menyediakan insentif pendidikan dalam bentuk bantuan kewangan *one-off* kepada pelajar yang dipilih daripada 10 UA," katanya pada majlis penyampaian sumbangan bersempena dengan Majlis Penyampaian Tahunan REAM, baru-baru ini.

Bantuan dana itu disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof kepada wakil universiti.

## Pelajar cemerlang

Pada majlis itu, lima pelajar cemerlang kejuruteraan awam yang berada di Tahun Akhir turut menerima Anugerah Presiden bagi Projek Tahun Akhir Pelajar Kejuruteraan Awam dan menerima wang tunai berjumlah RM2,000, pingat dan

sijil penghargaan.

Antara penerima anugerah itu ialah Fatin Nabihah Suhaime daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP), Norfazrinah Ab Rahman (Universiti Malaysia Sabah), Muhammad Faiz Zainal (Universiti Malaysia Perlis), Valiant Anak David Branch (Universiti Malaysia Sarawak) dan S Komala Devi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Mereka bakal ditempatkan di syarikat pembinaan terkemuka selama enam bulan bagi mengikuti latihan amali dan industri.

Tee berharap, bantuan dana inisiatif dan anugerah presiden itu dapat membantu melahirkan lebih ramai golongan profesional yang mampu menyokong pertumbuhan industri pembinaan tempatan dan dapat bersaing pada peringkat global.



**Valiant Anak David Branch (kiri)** menerima Anugerah Presiden daripada Fadillah pada Majlis Penyampaian REAM, di Kuala Lumpur baru-baru ini.